

# **FAKTOR SOSIAL DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Suhaimi Abd Rahman

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

## **Suggested Citation:**

Abd Rahman S. (2013). Faktor Sosial dalam Pembentukan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah in *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] (Proceedings of the First Seminar on Islamic Education and Research [SePPIM'13])* at The Main Hall, Faculty of Islamic Cilization on 17-18 September 2013, p. 478-492. ISBN: 978-967-12085-0-2.

## **ABSTRACT**

Kertas kerja ini membincangkan tentang faktor pembelajaran sosial dalam pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah. Memandangkan sistem pendidikan hari ini kurang memberi penekanan terhadap pembentukan akhlak yang baik, maka tanggungjawab pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah hari ini juga tergalas di bahu setiap faktor sosial yang berada di sekeliling pelajar tersebut. Walau pun, terdapat banyak faktor sosial yang dapat mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar, kertas kerja ini hanya membincangkan lima faktor sosial yang utama iaitu ibu bapa, guru, rakan, komuniti setempat dan artis. Empat kaedah pembelajaran sosial juga dibincangkan, iaitu kelaziman, observasi, nasihat dan pengukuhan. Perbincangan ini diharapnya dapat memberi gambaran kepada semua entiti dalam masyarakat bahawa tanggungjawab pendidikan dalam pembentukan akhlak pelajar ini bukan sahaja bergantung kepada ibu bapa di rumah atau guru di sekolah, malah ia adalah tanggungjawab bersama, yang dipikul oleh semua entiti yang berada di sekeliling mereka.

## **REFERENCES**

- 'Ali Abdul Halim Mahmud. (2007). *Syarah Usui 20 Al-Imam Hasan Al-Banna (Rukun Faham)*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, m.s. 199-212
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh, (2010). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid. *Proceeding of International Seminar: Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*. Bandung, Indonesia: Rizqi Press.
- Abdul Fattah Abu Guddah. (2011). *Al-Rasul al-Mu'llim wa Asalibuhu ft al-Ta'lim*. (Trans.) Sumedi & R. Umi Baroroh, 40 *Strategi Pendidikan Rasulullah*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Pelima Media Sdn Bhd.
- Abdullah Sulung & Mawaddah Abdullah. (2010). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. m.s. 1-9. (Tidak diterbitkan)
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Osman. (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Malaysia: Quantum Books.
- Adu-Febiri, F. (2011). Inviting Emotions, Morals and Spirit into our Classrooms: A Sociological Perspective on the Human Factor Model of Education. *Review of Human Factor Studies*, 17(1), 40-89.
- Afriani, A., Baharudin, R., Siti Nor, Y., & Nurdeng, D. (2012). The Relationship Between Parenting Style and Social Responsibility of Adolescent in Banda Aceh, Indonesia. *Partanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), m.s.733-750
- Ahmad Kilani Mohamed, Siti Norlina Muhamad & Normala Hashim. (2012). Pendidikan al-Quran ke Arah Pembangunan Insan Rabbani. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*. 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p.521-538.
- Ajmain@Jimain Safar & Ab. Halim Tamuri. (2012). Penghayatan Adab dan Akhlak Diri dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menurut Rakan Sebaya. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p.357-368.

- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Taomy. (1991). *Falsafah al-Tarbiyyah al- Islamiyyah Mansyurat alAmmah Linasyri Wattauzi'u Wal I'lan*. (Terj.). Prof. Dr. Hassan Langgulung. Falsafah Pendidikan Islam. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd. Aziz Mahyuddin. (2010). Peranan Bapa dalam Pembangunan Sosial Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), m.s. 9-17
- Azizi Yahya, Noordin Yahya & Junaidah Bachok. (2010) Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. (Tidak diterbitkan)
- Bandura, A. (1977).
- Bengston, V.L., Copen, C.E., Putney, N.M. & Silverstein, M. (2009). A Longitudinal Study of the Intergenerational Transmission of Religion. *International Sociology*, 24(325)
- Berg, D. (2008). *The Attitude Problem in Education*. California: Creative Commons.
- Brimi, H. (2009). Academic Instructors or Moral Guides? Moral Education in America and the Teacher's Dilemma. *Moral Education in America*, 82(3), 1-6.
- Castello, F. & Sweeney, B. (2009). Moral Intensity and Ethical Decision-making: An Empirical Examination of Undergraduate Accounting and Business Students. *Accounting Education: an international journal*, 18(1), 75-97
- Helen, B. Kariv, S. & Schotter, A. (2010). An Experimental Test of Advice and Social Learning. *Management Science*, 56 (10), 1687-1701
- Chung, Mi-Kyung. (2000). The Development of Self-regulated Learning. *Asia Pacific Education Review*, 1(1), 55-66.
- Deansa Puteri. (2013). Hubungan Intensitas Menonton Tayangan Drama Seri Korea di Televisi dan Motif Menonton Tayangan Drama Seri Korea di Televisi dengan Perilaku Berpakaian Remaja. Universitas Dipenogoro. *Tesis Pendidikan Strata 1*
- Flere, S. (2007). Gender and Religious Orientation. *Social Compass*, 54(239) Florez, I.R. (2011). Developing Young Children's Self-regulation through Everyday Experience. Dirujuk pada Ogos 31, 2013 daripada [http://www.naeyc.org/files/yc/file/201107/Self-Regulation\\_Florez\\_OnlineJuly2011.pdf](http://www.naeyc.org/files/yc/file/201107/Self-Regulation_Florez_OnlineJuly2011.pdf).
- Gurland, S.T. & Glowacky, V.C. (2011). Children's Theory of Motivation. *Journal of Experimental Child Psychology*, 110, 1-19.
- Hopper, C.H. (2011). *Practicing College Learning Strategies*. (Ed.6). USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Karuppaya, S. (2007) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Johor. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Tesis Master*
- Maag, J.W. (2001). Rewarded by punishment: Reflections on the disuse of positive reinforcement in education. *Exceptional Children*, 67, 173-186
- Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha & Abdullah Awang Lampoh. (2009). Integrated Islamic Education in Brunei Darussalam: Philosophical Issues and Challenges. *Jurnal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-60.
- Michael, K. & Amy, A. (2009). *Sociology Now: The Essentials*. Boston: Pearson Mohd Ismail Mustari & Ahmad Shukri Jamaludin. (2010). Persepsi Mahasiswa Fakulti Pendidikan Terhadap Kesan Rancangan Hiburan Realiti Tv Akademi Fantasia, m.s. 1-17. (Tidak diterbitkan)
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zamrus Mohd Ali & Ratna Roshida Ab Razak. (2012). Metodologi Disiplin Al-Quran dalam Budaya Pembangunan Intelektual: Kajian Terhadap Ilmuwan Andalusia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p. 489- 496.
- Muhammad Faisal Ashaari & Zulkepli Abd Ghani. (2006). Islam di Alam Siber: Pengalaman Malaysia dan Prospek Modal Insan Masa Depan. *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan*, p. 1-10.
- Musa. (2010). Pembelajaran untuk Meningkatkan Akhlak Pada Pendidikan Agama Islam. Proceedings: International Seminar of Comparative Studies in Educational System between Indonesia and Malaysia, p. 1225-1232.
- Nur Asmara Diana Abdullah & Mohd. Taib Harun. (2010). Faktor-faktor yang Menghalang Penglibatan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum: Satu Tinjauan. *Proceeding of International Seminar: Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*, p. 631-639.
- Olivia, M.K. (2013). Analisa Gaya Hidup Remaja dalam Mengimitasi Budaya Pop Korea Melalui Televisi. *Jurnal Acta Diurna*, 2(2), m.s. 1-15
- Ozolins, J.T. (2010). Creating Public Values: Schools as Moral Habits. *Educational Philosophy and Theory*, 42(4).
- Park, H.S. & Bonner, P. (2008). Family Religious Involvement, Parenting Practices and Academic Performance in Adolescent. *School Psychology International*, 29(348)
- Rahmad Sukor Ab. Samad, Mahzan Arshad, Siti Awa Abu Bakar & Abdul Jalil Othman. (2008). Organisasi Pendidikan Sebagai Satu Sistem Sosial. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 231-239

- Reed, M.S., Evely, A.C., Cundill, G. Fazey, I. Glass, J., Laing, A., Newig, J., Parrish, B. Prell, C., Raymond, C., & Stringer, L.C. (2010). What is Social Learning? *Ecology and Society*. Dirujuk daripada <http://www.ecologyandsociety.org/volXX/issYY/artZZ/> pada 26 Januari 2013
- Rogers, M.A., Theule, J., Ryan, B.A., Adams, G.R. & Keating, L. (2009). Parental Involvement in Academic Achievement: Evidence for Mediating Process. *Canadian Journal of School Psychology*, 24(34).
- Sabe, J.C. (2007). The Crisis in Religious Socialization: An Analytical Proposal. *Social Compass*, 54(97) Sayid Sabiq. (2011).
- Schunk, D.H. & Zimmerman, B.J. (2003). *Self-Regulation and Learning*. Reynolds, W.M. & Miller, G.E. Handbook of Psychology, p.59-75. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Shields, C. & Gredler, M. (2001). A Problem-Solving Approach to Teaching Operant Conditioning. *Teaching of Psychology*, 30(2)
- Siti Nurlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Nurazmallail Marni & Mahpuz The. (2012). Pendidikan Anak-anak Peringkat Murahiq: Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, p. 415-421
- Snell, P. (2010). "Just Reproduce After What I Taught You": Spatial Segregation of Religious Youth Socialization and the Reproduction of Social Inequality. *Youth & Society*, 43(931)
- Vermeer, P., Janssen, J. & De Hart, J. (2011). Religious Socialization and Church Attendance in the Netherlands from 1983 to 2007: A Panel Study. *Social Compass*, 58(373)
- Wan Hasmah Wan Mamat. (2010). Pendidikan Nilai dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. Proceedings of International Seminar: Comparative Studies in Educational System between Indonesia and Malaysia, 23-32.
- Winne, P.H. (2011). A Cognitive and Metacognitive Analysis of Self-regulated Learning (Chapter 2), pp. 15-32. In Zimmerman, B.J. & Schunk, D.H. (Eds.) (2011). *Handbook of Self regulation of Learning and Performance*. NY: Routledge.

# **FAKTOR SOSIAL DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Suhaimi Abd Rahman

## **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini membincangkan tentang faktor pembelajaran sosial dalam pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah. Memandangkan sistem pendidikan hari ini kurang memberi penekanan terhadap pembentukan akhlak yang baik, maka tanggungjawab pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah hari ini juga tergalas di bahu setiap faktor sosial yang berada di sekeliling pelajar tersebut. Walau pun, terdapat banyak faktor sosial yang dapat mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar, kertas kerja ini hanya membincangkan lima faktor sosial yang utama iaitu ibu bapa, guru, rakan, komuniti setempat dan artis. Empat kaedah pembelajaran sosial juga dibincangkan, iaitu kelaziman, observasi, nasihat dan pengukuhan. Perbincangan ini diharapnya dapat memberi gambaran kepada semua entiti dalam masyarakat bahawa tanggungjawab pendidikan dalam pembentukan akhlak pelajar ini bukan sahaja bergantung kepada ibu bapa di rumah atau guru di sekolah, malah ia adalah tanggungjawab bersama, yang dipikul oleh semua entiti yang berada di sekeliling mereka.*

## **PENGENALAN**

Apabila mata pelajaran Pendidikan Islam diperkenalkan sebagai pendidikan formal, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk memperkenalkan mata pelajaran berunsurkan nilai dan berharap bahawa mata pelajaran ini mampu menyemai nilai-nilai moral dan nilai-nilai keagamaan bagi membentuk masyarakat yang harmoni (Wan Hasmah Wan Mamat, 2010). Maimun Aqsha Lubis (2009) berpendapat sistem pendidikan Islam integrasi adalah sangat digalakkan memandangkan mata pelajaran ini mampu memandu dan melatih minda, jasmani dan rohani berdasarkan nilai-nilai dalam Islam. Hal ini demikian kerana proses pendidikan yang dinyatakan dalam al-Quran dapat membantu dalam perkembangan sesebuah komuniti (Mohd Zamrus Mohd Ali dan Ratna Roshida Ab Razak, 2012). Oleh itu, keunggulan al-Quran sebagai satu sumber yang tepat dan sahih dalam *tarbiyah Islamiyah* tidak boleh diragui (Ahmad Kilani *et al.*, 2012). Hal ini kerana, menurut Ahmad Kilani *et al.*, al-Quran telah berjaya melahirkan Muslim yang mempunyai minda yang progresif.

Walau bagaimana pun, sistem pendidikan hari ini kurang memberi perhatian terhadap perkembangan akhlak yang baik. Proses pendidikan akhlak sepatutnya dapat melahirkan seseorang yang sedar akan tanggungjawab terhadap Allah S.W.T., melatih diri untuk menjauhi maksiat, mengisi jiwa dengan akhlak yang baik, mempunyai kekuatan untuk menentang kejahatan dan menyumbang kepada

komuniti dengan akhlak yang baik (Musa, 2010). Memandangkan sistem pendidikan lebih menumpukan kepada prestasi akademik, pelajar menghabiskan terlalu banyak masa untuk menghafal mata pelajaran daripada menghayatinya dan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari (Mohd. Yusuf Ahmad, 2004; Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2008). Pelajar sangat memberi perhatian kepada peperiksaan dan fokus kepada setiap mata pelajaran pula adalah berbeza (Nur Asmara Diana Abdullah & Mohd Taib Harun, 2010). Guru pula lebih dipertanggungjawabkan untuk mencapai *key performance indicator* dalam bentuk prestasi akademik pelajar dan guru menghadapi kesukaran untuk memperuntukkan masa dalam perkembangan akhlak pelajar (Brimi, 2009; Berg, 2008). Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008) pula berpendapat bahawa struktur mata pelajaran Pendidikan Islam sangat lemah, di mana kebanyakan masanya pelajar belajar melalui orang yang berada di sekeliling mereka berbanding di dalam kelas.

Oleh yang demikian, faktor kemanusiaan menjadi semakin penting dalam pendidikan terutamanya dalam perkembangan emosi, moral dan spiritual di dalam kelas (Adu-Febiri, 2011). Salah satu daripada teori yang menekankan konsep hubungan sosial adalah Teori Kognitif Sosial di mana pelajar memerlukan bantuan orang di sekeliling untuk berjaya dalam akademik, contohnya bantuan guru, rakan-rakan dan orang yang lebih dewasa, seperti ibu bapa, kakak atau abang (Schunk dan Zimmerman, 2003). Ahli masyarakat yang muda memerlukan orang yang lebih dewasa untuk membantu mereka membuat keputusan berkaitan dengan persoalan moral (Castello & Sweeney, 2009). Bantuan dan sokongan dari faktor sosial dapat membantu pelajar mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat (Siti Norlina Muhamad et al, 2012).

Nilai-nilai moral dan etika juga dapat diterapkan dalam diri seorang pelajar melalui Proses Sosialisasi. Menurut Vermeer *et al.* (2011), proses sosialisasi adalah satu proses penerapan kepercayaan, amalan, nilai-nilai murni dan norma masyarakat daripada satu generasi kepada generasi yang lain sebagai satu keperluan untuk mereka menjadi sebahagian daripada konteks sosial yang mereka diamai. Kajian-kajian di Barat sudah mula mendapati bahawa sosialisasi nilai-nilai keagamaan berlaku dalam masyarakat (Park & Bonner, 2008), walau pun Islam sudah lama menjadikan akhlak sebagai pendidikan asas dalam membentuk Muslim yang baik. Walau pun ahli sosilogi Barat mendapati bahawa teori sikap itu berubah-ubah mengikut keadaan, Islam masih menegaskan bahawa akhlak di dalam Islam akan selama-lamanya tetap, bersumberkan al-Quran dan Sunnah ('Ali 'Abdul Halim Mahmud, 2007). Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT:

*Maksudnya: "(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkan dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ugama Allah, iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang*

*perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."*

(Al-Rum, 30:30)

## **DEFINISI PEMBELAJARAN SOSIAL**

Pembelajaran sosial, menurut Reed *et al.* (2009) dapat didefinisikan sebagai perubahan dalam pemahaman yang melibatkan individu yang berada dalam unit sosial atau masyarakat yang lebih besar melalui interaksi sosial di antara mereka yang berada dalam rangkaian sosial. Walau Reed *et al.* menekankan bahawa pembelajaran itu berlaku apabila adanya interaksi sosial, Bandura (1977) pula menumpukan kepada pembelajaran melalui pemerhatian di mana seseorang itu mempelajari sesuatu melalui apa yang dilihatnya daripada orang yang berada di sekeliling, contohnya seorang murid yang belajar etika berpakaian melalui guru kelas.

## **KAEDAH PENDIDIKAN AKHLAK DALAM KONTEKS PEMBELAJARAN SOSIAL**

Apabila membincangkan pendidikan akhlak dalam konteks pembelajaran sosial, Sabe (2007) mendapati bahawa terdapat dua cara sosialisasi agama berlaku, iaitu melalui pemindahan nilai dan pengalaman, dan sosialisasi kompleks. Beliau menjelaskan bahawa sekiranya nilai-nilai agama itu diterapkan melalui proses pemindahan semata-mata, maka nilai-nilai agama diterima dan diterapkan tanpa melibatkan komunikasi dan emosi, dan kebanyakannya, manusia lebih memindahkan nilai yang mereka perolehi daripada pengalaman, berbanding memindahkan nilai sebenar yang dinyatakan oleh agama. Tetapi, hal ini berlainan pula dengan sosialisasi kompleks. Sabe menekankan peranan komunikasi dan emosi dalam proses ini, di mana proses sosialisasi agama berlaku bukan semata-mata untuk memindahkan doktrin agama, malah ia membantu menghubungkan ruang dalam masyarakat. Dengan membenarkan perkembangan emosi di sekolah membantu perkembangan kognitif dan menyemai nilai-nilai moral dan etika dalam kalangan pelajar (Adu-Febiri, 2011).

Musa (2010) pula mendapati bahawa terdapat empat kaedah dalam pendidikan akhlak, iaitu pengajaran, kebiasaan, observasi dan nasihat. Yahya Azizi *et al.* (2010) mendapati bahawa perubahan sikap berlaku atas pendekatan pujukan, keakuran, kepatuhan, ugutan dan janji. Adu-Febiri (2011) pula menegaskan keperluan adanya ganjaran dan hukuman dalam membentuk akhlak yang baik. Walau bagaimana pun, kajian Azhar Ahmad (2006) telah mendapati bahawa pelajar terlibat dalam proses pembelajaran sosial melalui kaedah permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan. Kertas kerja ini membincangkan empat kaedah utama dalam pembelajaran sosial iaitu kebiasaan, pemerhatian, nasihat, dan ganjaran dan hukuman.

## KELAZIMAN

Latihan yang berulang-ulang dalam pemantapan akhlak dapat disemai sejak kecil (Musa, 2010; Siti Nurlina Muhamad *et al.*, 2012). Al-Syaibani (1991) menekankan proses pengulangan dalam pembelajaran untuk memberi peluang kepada pelajar mendalami sesuatu pengajaran itu. Sesutu perbuatan yang dilakukan berulang kali membantu pemindahan informasi daripada memori jangka pendek ke dalam memori jangka panjang, dan proses ini melibatkan aktiviti mengulang, merenung dan mengulas (Hopper, 2011). Hal ini kerana memori jangka pendek mempunyai kapasiti yang terhad di mana ia memerlukan seseorang itu untuk mengimbas informasi dan memantau apa yang mereka perlukan dan mana-mana pengalaman, informasi dan pengetahuan yang dipilih (Winne, 2011). Oleh sebab itu, Rasulullah s.a.w. menganjurkan supaya solat itu diajar sejak kecil, memandangkan pengulangan solat tersebut akan menjadi kebiasaan bagi seseorang sehingga dia tidak merasakan satu kesusahan dalam menunaikannya (Sayid Sabiq, 2006). Ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam pendidikan solat anak-anak memandangkan hal ini telah ditegaskan oleh Allah S.W.T. di dalam ayat suci al-Quran, iaitu:

i-csr uSjfe j&A ij^i; oriJr 4k

**^fao^:"Jills.lsUL Iji^Mj 0axs3\*^Oj&J**

*Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari apa neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang todak menderhakai Allah S.W.T. terhadap apa yang diperintahkan kepadanya kepada mereka dan mengerjakan apa yang mereka perintahkan."*

(Al-Tahrim, 66: 6)

## OBSERVASI ATAU PEMERHATIAN

Bandura (1977) menekankan peranan pemerhatian dalam pembelajaran di mana pembelajaran melibatkan interaksi sosial dan impak manusia ke atas manusia lain. Beliau menjelaskan bahawa pemerhatian ke atas model, iaitu orang lain yang sedang diperhatikan, dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang. Menurut Boyer (2009), kanak-kanak yang berusia dua hingga enam tahun perlu dibesarkan dengan menggunakan bahasa yang lemah lembut dan sikap yang wajar. Orang dewasa dapat membantu perkembangan kanak-kanak, contohnya menggunakan intonasi yang berbeza apabila membacakan buku cerita dan cara ini membantu kanak-kanak untuk lebih menumpukan perhatian terhadap imej yang penting untuk dipelajari (Florez, 2011). Kajian yang dijalankan oleh Chung (2000) mendapati bahawa pembentukan pelajar pada pertengahan sekolah rendah adalah waktu yang sangat kritikal memandangkan perkembangan ini bukan sahaja melibatkan perubahan umur, malah ia juga melibatkan jenis sekolah, tugas yang diberi dan persekitaran pembelajaran.

Islam juga menekankan aspek pemerhatian dalam pembelajaran. Allah S.W.T. menekankan kaedah pemerhatian ini kepada umat Islam dalam menggunakan akal fikiran untuk melihat tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. FirmanNya:

*Maksudnya: "Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memirkankannya dengan teliti."*

(Al-Jatsiyah, 45:13)

## NASIHAT ATAU PERINGATAN

Abdul Fattah Abu Ghuddah (2011) menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. menggunakan kaedah nasihat sebagai salah satu daripada kaedah dalam proses pendidikan. Hal ini telah dijelaskan di dalam al-Quran, iaitu:

>iT ■Jjls&J Uj 1^iiT ljJlij  
©bjSi p oj ^ & ill'l ^ Cj ^ G

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan (Ugama) yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dan tidak ada, sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalanganmu dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran."

(Fathir, 45:24)

Satu kajian yang telah dijalankan oleh (Jelen *et al.* (2010) mendapati bahawa tingkah laku responden kajian lebih dipengaruhi oleh nasihat yang diberikan berbanding daripada terus meniru atau menyalin perlakuan orang lain. Kaedah pembelajaran sosial melalui nasihat sebagai memberi peringatan kepada orang lain telah dijelaskan di dalam al-Quran:

*Maksudnya: "Dan berilah peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang beriman."*

(Al-Zariyat, 51:55)

فَذَكِّرْ إِنْمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ

*Maksudnya: "Sesungguhnya engkau hanyalah seorang pemberi ingatan."*  
*(Al-Ghashiyah, 88:21)*

# PENGUKUHAN POSITIF DAN NEGATIF

Cabar yang paling besar dalam menghasilkan pelajar yang mempunyai akhlak yang baik adalah kekurangan ganjaran dan sokongan (Adu-Febiri, 2011). Kebiasaannya, pelajar diberi ganjaran apabila mereka dapat mencapai prestasi yang

baik dalam bentuk markah, bukannya kerana berakhlaq baik (Berg, 2008). Pemberian ganjaran dan hukuman pula adalah berbeza bagi mereka yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang berbeza kerana pentafsiran mereka terhadap balasan positif dan negatif juga adalah berbeza (Snell, 2010). Walau bagaimana pun, sekiranya balasan positif dan negatif dijalankan dalam satu tempoh yang panjang, pelajar akan salah tafsir terhadap mekanisme pembelajaran ini, di mana mereka akan mendapati bahawa pengukuhan positif adalah ganjaran, manakala pengukuhan negatif adalah hukuman, sedangkan pengukuhan negatif hanyalah digunakan untuk mengekang sesuatu perbuatan dan balasan positif digunakan untuk meningkatkan perlakuan sesuatu perbuatan (Gurland dan Glowacky, 2011; Shields dan Gredler, 2003; Maag, 2001). Di dalam al-Quran itu sendiri terdapat banyak contoh yang dapat dikaitkan dengan balasan terhadap sesuatu perbuatan. Allah S.W.T. berfirman:

*Maksud: "Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berduka cita."*

*(Al-Baqarah, 2:274)*

## **FAKTOR PEMBELAJARAN SOSIAL**

Dalam institusi sosial tradisional, pelajar, kebanyakannya, dipengaruhi oleh keluarga, institusi keagamaan dan sekolah (Sabe, 2007; Irwan Fariza Sidiq *et al.*, 2010). Kajian kontemporari memberi penekanan terhadap pengaruh ibu bapa, ahli keluarga, rakan-rakan, guru, rakan sekelas, komuniti setempat dan artis dalam mempengaruhi perkembangan akhlak pelajar (Irwan Faridza Sidik *et al.*, 2010; Michael and Amy, 2009; Rahmad Sukor Ab. Samad *et al.*, 2008). Azizi Yahya *et al.* (2010) pula mengaitkan pembelajaran sosial sebagai satu bidang psikologi sosial, di mana perubahan tingkah laku itu berlaku hasil daripada interaksi sosial dengan masyarakat sekeliling.

### ***Ibu Bapa***

Keluarga merupakan satu entiti yang mempunyai penglibatan yang besar dalam pembesaran anak-anak (Bengston *et al.*, 2009; Vermeer *et al.*, 2011). Hal ini kerana anak-anak tinggal dan menjalankan hubungan sosial dengan ahli keluarga sejak mereka dilahirkan. Ajmain@Jemain Safar & Ab. Halim Tamuri (2012) mendapati bahawa penghayatan akhlak adalah lebih tinggi dalam kalangan pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Dapatan ini disokong oleh Flere (2007) yang mendapati bahawa bilangan wanita yang taat beribadah adalah lebih tinggi daripada lelaki kerana kaedah sosialisasi di rumah adalah berbeza mengikut jantina. Menurut

Rogers *et al* (2009), pendidikan ibu bapa ke atas anak lelaki adalah lebih tegas berbanding anak perempuan.

Kebanyakan ibu bapa mempunyai 20 tahun yang diberi perhatian untuk mensosialisasikan anak-anak (Armet, 2009). Walau bagaimanapun, gaya keibubapaan membentuk personaliti anak-anak, oleh itu adalah penting bagi ibu bapa untuk mengambil bahagian dalam proses pembelajaran mereka (Irwan Fariza Sidiq *et al.*, 2010). Perkara ini digambarkan oleh Rogers *et al.* (2009) yang mendapati bahawa tekanan akademik daripada bapa akan mengakibatkan prestasi akademik yang rendah, tetapi galakan dan sokongan ibu akan meningkatkan prestasi pelajar. Ibu mempunyai nilai-nilai keibuan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. dan ini membantu tumbesaran anak-anak yang sihat (Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Dalam orientasi keagamaan juga, sikap keperempuanan seorang ibu, seperti menyerah diri, aman dan memahami menjadikan mereka ahli ibadah yang baik (Flere, 2007).

Walau bagaimanapun, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mula berkurangan apabila anak-anak mula memasuki sekolah menengah (Abd. Razak Zakaria dan Norani Mohd Salleh, 2010). Kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahya *et al.* (2010) mendapati bahawa min ibu bapa yang menjadi pendengar yang baik bagi anak-anak adalah rendah. Manakala kajian yang dijalankan oleh Amla Salleh *et al.*

(2010) mendapati bahawa bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak, dan bapa-bapa ini terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah, berpendidikan rendah dan berbangsa Melayu. Ini kerana sikap keibubapaan dan hasilnya ke atas anak-anak juga dipengaruhi oleh budaya (Afriani *et al.*, 2012).

### **Guru**

Tanggungjawab untuk menerapkan norma dalam masyarakat juga bergantung kepada sekolah (Brimi, 2009). Sekolah juga mewujudkan ruang dalam penerapan akhlak yang baik dan hal ini disokong oleh Ozolins (2010) di mana pelajar mempelajari nilai-nilai murni yang tidak dapat mereka pelajari di rumah. Pendidik mempunyai peranan yang besar dalam perkembangan akhlak pelajar supaya mereka bertindak mengikut norma yang ditetapkan di dalam masyarakat sebelum mereka mula mencebur入 bidang pekerjaan (Castello dan Sweeney, 2009). Guru yang bertindak sebagai model bagi pelajar mampu menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar, seperti tidak mementingkan diri sendiri, menghormati orang lain dan berkongsi bersama orang lain (Adu-Febiri, 2012).

Peranan guru sebagai pendidik adalah besar dalam pendidikan akhlak. Guru bukan sahaja berperanan sebagai *murabbi*, malah guru mempunyai hubungan langsung dengan murid dalam pendidikan akhlak dan dalam proses menyemai nilai-nilai spiritual (Muhammad Faisal Ashaari & Zulkepli Abd Ghani, 2006). Guru-guru disiplin juga memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah akhlak pelajar di mana latihan perlu diberi agar mereka dapat menangani masalah ini dengan lebih baik (Karuppaya, 2007). Guru perlu mendidik pelajar dan memberi panduan kepada mereka untuk mempraktikkan akhlak yang baik, bukan sekadar memberi penekanan kepada 'membuat perkara yang betul' (Kristjansson, 2010).

Oleh itu, hubungan guru-murid sangat ditekankan dalam pendidikan nilai kerana pelajar perlukan sentuhan 'kemanusiaan' dalam pendidikan Islam (Muhammad Faisal Ashaari & Zulkepli Abd Ghani, 2006). Tugas guru bukan sahaja mendidik, malah guru juga perlu bertanggungjawab terhadap perkembangan akhlak anak didiknya (Suhaili Md. Shamsudin dan Siti Syuhada Abd Rahman, 2011). Tanggungjawab dalam pendidikan akhlak ini dilihat oleh masyarakat sebagai satu tugas yang mencabar bagi pengajar agama (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Binti Che Husain, 2008). Oleh itu, guru adalah *role model* kepada anak didiknya dan mempunyai sahsiah dan personaliti yang baik dapat memberi kesan yang besar kepada pembentukan dan perubahan akhlak remaja (Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri, 2012).

### **Rakan**

Abd. Razak dan Norani Salleh (2010) mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak semakin berkurangan apabila anak-anak memasuki peringkat pengajian yang lebih tinggi. Anak-anak juga menerima proses

pembelajaran sosial melalui rakan-rakan, terutamanya rakan sebaya (Michael dan Amy, 2009). Paling membimbangkan apabila pelajar sudah mula mempunyai kekasih dan berjinak-jinak dalam dunia percintaan. Menurut Nasrudin Subhi *et al.* (2012), pelajar perempuan mula melakukan hubungan intim dan terlibat dengan seks luar nikah untuk mendapatkan perhatian dan kasih sayang. Oleh itu, kelemahan penglibatan ibu bapa membuatkan anak-anak mencari sumber perhatian yang lain untuk memenuhi keperluan zahir dan batin.

Kajian yang dijalankan oleh Karuppaya (2007) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor Baharu mendapati bahawa faktor kemerosotan disiplin adalah berpuncu daripada sikap pelajar itu sendiri, pengaruh rakan sebaya, latar belakang keluarga dan suasana sekolah, walau pun ia berada di tahap sederhana. Azizi Yahya *et al.* (2010) mengesyorkan ibu bapa agar sentiasa mengenal pasti rakan-rakan anak-anak kerana tidak dapat dinafikan bahawa mereka adalah penyumbang besar dalam peningkatan tingkah laku delinkuen anak.

## **KOMUNITI SETEMPAT (JIRAN)**

Penglibatan ibu bapa dalam penerapan nilai-nilai murni semakin hari semakin berkurangan (Bengston *et al.*, 2009; Pinner, 2009). Ibu bapa bergantung pada ahli masyarakat yang lain untuk mengawal tingkah-laku negatif di kalangan remaja (Noddings, 2010; Snell, 2010). Tanggungjawab untuk menerapkan norma dalam masyarakat adakalanya bergantung kepada jiran setempat (Brimi, 2009).

Dalam pendidikan akhlak remaja, pribahasa '*tidak menjaga tepi kain orang lain*' perlu diketepikan. Azizi Yahya *et al.* (2010) menjelaskan bahawa komuniti setempat perlu bekerjasama dalam pembangunan akhlak remaja ini, dan di antara beberapa cadangan yang disarankan kepada komuniti setempat adalah:

- 1) Prihatin terhadap segala bentuk perlakuan remaja yang mencurigakan
- 2) Berterus-terang, memberi teguran dan membuat aduan kepada pihak yang bertanggungjawab sekiranya berlaku tingkah laku delinkuen remaja
- 3) Membantu membimbing remaja dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pelajar

Terdapat juga peranan ahli-ahli agama yang menjadi jiran-jiran di mana mereka juga memainkan peranan dalam pendidikan akhlak remaja. Oleh itu, pusat keagaam menjadi tumpuan dalam pendidikan ini. Pusat keagamaan di kawasan kejiranan memperuntukan kawasan di mana anak-anak dapat bertemu dan bersosial dengan masyarakat setempat (Armet, 2009). Pusat keagamaan komuniti juga memberi ruang kepada mereka untuk mempraktikkan dan menyemai sikap yang baik (Ozolins, 2010b). Memandangkan pusat keagamaan mewujudkan

susasana yang mengalu-alukan kedatangan masyarakat setempat, ini dapat mengikat hati mereka untuk datang, sehingga ada yang sanggup mengorbankan kepentingan diri demi kesejahteraan di akhirat (Levric dan Flere, 2010). Agama itu sendiri mampu untuk memberi pengajaran memandangkan agama itu diutuskan oleh Allah S.W.T. sebagai panduan dalam melakukan sesuatu. Ini telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quran:

VCfi Sf

*Maksudnya: "Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa;"*

*(Al-Baqarah, 2:2)*

#### *Artis*

Sosialisasi juga berlaku melalui media. Proses sosialisasi berlaku sepanjang hayat (Narvaez *et al.*, 2010). Oleh itu, apabila kanak-kanak membesar, mereka mula dipengaruhi oleh entiti lain dalam masyarakat, contohnya media. Kanak-kanak yang dibesarkan dalam kelurga sekular, mula mencari nilai-nilai keagamaan melalui media (Pinner, 2009). Walau bagaimana pun, Pinner mendapati bahawa proses sosialisasi melalui media merupakan sosialisasi kendiri memandangkan seseorang itu disosialisasi dalam situasi tidak formal iaitu ketika sedang berehat dan berhibur.

Walau pun media sudah mula dijadikan sebagai salah satu faktor dalam proses pembelajaran sosial, artis kini mula mengambil tempat sebagai idola remaja. Beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini mula melihat artis sebagai faktor yang memberi kesan buruk dalam perkembangan akhlak dan budaya remaja. Kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2009) ke atas pelajar tingatan 4 mendapati bahawa pendedahan terhadap media yang tinggi memberi kesan negatif terhadap pegangan agama remaja. Deansa Putri (2013) pula mengulas tentang peningkatan pengaruh drama bersiri Korea, di mana peningkatan yang drastik bagi penonton drama bersiri ini memberi pengaruh yang besar terhadap cara remaja berpakaian. Hal ini disokong oleh Olivia (2013) di mana dengan peningkatan minat budaya pop Korea ini menyebabkan remaja lebih banyak menghabiskan masa mencari informasi tentang budaya ini berbanding budaya sendiri.

Sungguh pun begitu, Mohd Islmail Mustari dan Ahmad Shukri Jamaludin (2010) membuat kesimpulan bahawa budaya hiburan hanyalah budaya yang dibawa oleh Barat, bersifat hedonis, dan bertujuan melalaikan umat remaja, dan secara tidak langsung negara Islam akan mudah dijajah. Kajian telah dijalankan oleh mereka, iaitu pengaruh realiti TV Akademi Fantasia ke atas pelajar-pelajar mahasiswa, mendapati bahawa rancangan ini kurang memberi pengaruh yang besar ke atas pelajar-pelajar ini dari segi peningkatan pelajaran atau pergauluan dalam

masyarakat. Walau bagaimana pun, pelajar-pelajar tersebut berpendapat bahawa budaya yang di bawa oleh artis-artis akademi fantasia adalah tidak bersesuaian dengan budaya masyarakat Malaysia.

Akhir sekali, Abdulloh Sulong dan Mawaddah Abdulloh (2010) mendapati remaja lebih gemar menghabiskan masa menonton televisyen kerana pengaruh personaliti televisyen. Ini kerana responden kajian berpendapat bahawa artis-artis akan berpakaian mengikut trend semasa. Trend semasa ini meliputi semua aspek fesyen terkini termasuk fesyen menutup aurat, berpakaian sopan dan personaliti diri yang baik, di mana responden menyebutkan Mawi dan Dato' Siti Nurhaliza sebagai contoh.

## **KESIMPULAN**

Memandangkan sistem pendidikan sedia ada memerlukan sokongan dari semua pihak dalam pendidikan akhlak anak-anak, maka adalah wajar bagi setiap entiti dalam masyarakat memainkan peranan yang penting dalam perkembangan akhlak remaja. Beberapa kaedah pembelajaran sosial yang dibincangkan dalam kertas kerja ini diharapnya dapat memberi panduan sedikit sebanyak kepada semua pihak dalam membantu perkembangan akhlak remaja yang berkualiti dan berlandaskan agama Islam.

## **RUJUKAN**

- 'Ali Abdul Halim Mahmud. (2007). *Syarah Usui 20 Al-Imam Hasan Al- Banna (Rukun Faham)*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, m.s. 199-212
- Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh, (2010). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid. *Proceeding of International Seminar: Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*. Bandung, Indonesia: Rizqi Press.

- Abdul Fattah Abu Guddah. (2011). *Al-Rasul al-Mu'llim wa Asalibuhu ft al-Ta'llim*. (Trans.) Sumedi & R. Umi Baroroh, 40 Strategi Pendidikan Rasulullah. Bandar Baru Bangi, Selangor: Pelima Media Sdn Bhd.
- Abdullah Sulung & Mawaddah Abdullah. (2010). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. m.s. 1-9. (Tidak diterbitkan)
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Osman. (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Malaysia: Quantum Books.
- Adu-Febiri, F. (2011). Inviting Emotions, Morals and Spirit into our Classrooms: A Sociological Perspective on the Human Factor Model of Education. *Review of Human Factor Studies*, 17(1), 40-89.
- Afriani, A., Baharudin, R., Siti Nor, Y., & Nurdeng, D. (2012). The Relationship Between Parenting Style and Social Responsibility of Adolescent in Banda Aceh, Indonesia. *Partanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), m.s.733-750
- Ahmad Kilani Mohamed, Siti Norlina Muhamad & Normala Hashim. (2012). Pendidikan al-Quran ke Arah Pembangunan Insan Rabbani. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*. 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p.521-538.
- Ajmain@Jimain Safar & Ab. Halim Tamuri. (2012). Penghayatan Adab dan Akhlak Diri dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menurut Rakan Sebaya. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p.357-368.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Taomy. (1991). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah Mansyurat alAmmah Linasyri Wattauzi'u Wal I'lan*. (Terj.). Prof. Dr. Hassan Langgulung. *Falsafah Pendidikan Islam*. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.
- Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud & Abd. Aziz Mahyuddin. (2010). Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan. *JurnalPendidikan Malaysia*, 35(2), m.s. 9-17
- Azizi Yahya, Noordin Yahya & Junaidah Bachok. (2010) *Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian*. (Tidak diterbitkan) Bandura, A. (1977).
- Bengston, V.L., Copen, C.E., Putney, N.M. & Silverstein, M. (2009). A Longitudinal Study of the Intergenerational Transmission of Religion. *International Sociology*, 24(325)
- Berg, D. (2008). *The Attitude Problem in Education*. California: Creative Commons.
- Brimi, H. (2009). Academic Instructors or Moral Guides? Moral Education in America and the Teacher's Dilemma. *Moral Education in America*, 82(3), 1-6.
- Castello, F. & Sweeney, B. (2009). Moral Intensity and Ethical Decisionmaking: An Empirical Examination of Undergraduate Accounting and Business Students. *Accounting Education: an international journal*, 18(1), 75-97

- Helen, B. Kariv, S. & Schotter, A. (2010). An Experimental Test of Advice and Social Learning. *Management Science*, 56(10), 1687-1701
- Chung, Mi-Kyung. (2000). The Development of Self-regulated Learning. *Asia Pacific Education Review*, 1(1), 55-66.
- Deansa Puteri. (2013). Hubungan Intensitas Menonton Tayangan Drama Seri Korea di Televisi dan Motif Menonton Tayangan Drama Seri Korea di Televisi dengan Perilaku Berpakaian Remaja. Universitas Dipenogoro. *Tesis Pendidikan Strata 1*
- Flere, S. (2007). Gender and Religious Orientation. *Social Compass*, 54(239) Florez, I.R. (2011). Developing Young Children's Self-regulation through Everyday Experience. Dirujuk pada Ogos 31, 2013 daripada [http://www.naeyc.org/files/yc/file/201107/Self-Regulation\\_Florez\\_OnlineJuly2011.pdf](http://www.naeyc.org/files/yc/file/201107/Self-Regulation_Florez_OnlineJuly2011.pdf).
- Gurland, S.T. & Glowacky, V.C. (2011). Children's Theory of Motivation. *Journal of Experimental Child Psychology*, 110, 1-19.
- Hopper, C.H. (2011). *Practicing College Learning Strategies*. (Ed.6). USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Karuppaya, S. (2007) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Johor. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Tesis Master*
- Maag, J.W. (2001). Rewarded by punishment: Reflections on the disuse of positive reinforcement in education. *Exceptional Children*, 67, 173-186
- Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha & Abdullah Awang Lampoh. (2009). Integrated Islamic Education in Brunei Darussalam: Philosophical Issues and Challenges. *Jurnal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-60.
- Michael, K. & Amy, A. (2009). *Sociology Now: The Essentials*. Boston: Pearson Mohd Ismail Mustari & Ahmad Shukri Jamaludin. (2010). *Persepsi Mahasiswa Fakulti Pendidikan Terhadap Kesan Rancangan Hiburan Realiti Tv Akademi Fantasia*, m.s. 1-17. (Tidak diterbitkan)
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zamrus Mohd Ali & Ratna Roshida Ab Razak. (2012). Metodologi Disiplin Al-Quran dalam Budaya Pembangunan Intelektual: Kajian Terhadap Ilmuwan Andalusia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, 8-9 March 2012. Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim. p. 489- 496.
- Muhammad Faisal Ashaari & Zulkepli Abd Ghani. (2006). Islam di Alam Siber: Pengalaman Malaysia dan Prospek Modal Insan Masa Depan. *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan*, p. 1-10.
- Musa. (2010). Pembelajaran untuk Meningkatkan Akhlak Pada Pendidikan Agama Islam. *Proceedings: International Seminar of Comparative Studies in Educational System between Indonesia and Malaysia*, p. 1225-1232.

- Nur Asmara Diana Abdullah & Mohd. Taib Harun. (2010). Faktor-faktor yang Menghalang Penglibatan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum: Satu Tinjauan. *Proceeding of International Seminar: Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*, p. 631-639.
- Olivia, M.K. (2013). Analisa Gaya Hidup Remaja dalam Mengimitasi Budaya Pop Korea Melalui Televisi. *JurnalActa Diurna*, 2(2), m.s. 1-15
- Ozolins, J.T. (2010). Creating Public Values: Schools as Moral Habits. *Educational Philosophy and Theory*, 42(4).
- Park, H.S. & Bonner, P. (2008). Family Religious Involvement, Parenting Practices and Academic Performance in Adolescent. *School Psychology International*, 29(348)
- Rahmad Sukor Ab. Samad, Mahzan Arshad, Siti Awa Abu Bakar & Abdul Jalil Othman. (2008). Organisasi Pendidikan Sebagai Satu Sistem Sosial. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 231-239
- Reed, M.S., Evely, A.C., Cundill, G. Fazey, I. Glass, J., Laing, A., Newig, J., Parrish, B. Prell, C., Raymond, C., & Stringer, L.C. (2010). What is Social Learning? *Ecology and Society*. Dirujuk daripada <http://www.ecologyandsociety.org/volXX/issYY/artZZ/> pada 26 Januari 2013
- Rogers, M.A., Theule, J., Ryan, B.A., Adams, G.R. & Keating, L. (2009). Parental Involvement in Academic Achievement: Evidence for Mediating Process. *Canadian Journal of School Psychology*, 24(34).
- Sabe, J.C. (2007). The Crisis in Religious Socialization: An Analytical Proposal. *Social Compass*, 54(97) Sayid Sabiq. (2011).
- Schunk, D.H. & Zimmerman, B.J. (2003). *Self-Regulation and Learning*. Reynolds, W.M. & Miller, G.E. *Handbook of Psychology*, p.59-75. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Shields, C. & Gredler, M. (2001). A Problem-Solving Approach to Teaching Operant Conditioning. *Teaching of Psychology*, 30(2)
- Siti Nurlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Nurazmallail Marni &: Mahpuz The. (2012). Pendidikan Anak-anak Peringkat Murahiq: Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, p. 415-421
- Snell, P. (2010). "Just Reproduce After What I Taught You": Spatial Segregation of Religious Youth Socialization and the Reproduction of Social Inequality. *Youth & Society*, 43(931)
- Vermeer, P., Janssen, J. & De Hart, J. (2011). Religious Socialization and Church Attendance in the Netherlands from 1983 to 2007: A Panel Study. *Social Compass*, 58(373)
- Wan Hasmah Wan Mamat. (2010). Pendidikan Nilai dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Proceedings of International Seminar: Comparative Studies in Educational System between Indonesia and Malaysia*, 23-32.

Winne, P.H. (2011). A Cognitive and Metacognitive Analysis of Self- regulated Learning (Chapter 2), pp. 15-32. In Zimmerman, B.J. & Schunk, D.H. (Eds.) (2011). *Handbook of Self regulation of Learning and Performance*. NY: Routledge.